

# Si Comel Meow sempena Hari Kraf Kebangsaan 2015

**Peminat** kucing tentu tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan aksi hebat haiwan kesayangan itu pada pameran dan pertandingan kucing Si Comel Meow@ Hari Kraf Kebangsaan (HKK) 2015, yang berlangsung hari ini dan esok di Laman Wau, Kompleks Kraf, Jalan Conlay di ibu negara.

Pameran dan pertandingan yang diajukan sempena Hari Kraf Kebangsaan 2015 itu menyaksikan pertandingan kucing cantik, pertunjukan fesyen kucing, menghias sangkar kucing, pertandingan menghias kek (gambar kucing) dan mewarna batik motif haiwan kesayangan berkenaan.

Presiden Kelab Kucing Malaysia (KKM), Khalid Rashid, berkata turut diadakan bazar jualan produk kucing, barang keperluan kucing, ubat-ubatan kucing dan haiwan peliharaan lain.

Katanya, bagi peminat kucing yang masih tercari-cari haiwan berkenaan untuk peliharaan juga boleh mengambil peluang menyertai program pengambilan kucing angkat.

"Untuk pemilik kucing pula mereka boleh menyertai acara 'Hello Doktor Kucing', yang mana pemeriksaan kesihatan percuma diberikan kepada si comel.

## Pet Passport

"Bagi yang belum mendaftarkan haiwan peliharaan mereka juga boleh membuat pendaftaran Pet Passport yang dikenalikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dengan harga promosi RM12 (termasuk buku, mikrocip dan gambar).

"Namun, perkhidmatan vaksin dan kembiri tidak disediakan untuk pameran kali ini," katanya.

Bagi memeriahkan acara, Khalid berkata, aktiviti Interaktif Melukis dan Mewarna Batik Si Comel serta haiwan peliharaan lain turut diadakan.

"Pengunjung juga boleh mencuba nasib dengan menyertai pertandingan meniru aksi dan suara kucing. Pertandingan ini terbuka kepada orang dewasa dan kanak-kanak.

"Turut disediakan kepada pengunjung, aktiviti bergambar bersama kucing dan haiwan kesayangan," katanya.

Beliau berkata, bagi peminat kucing yang ada bakat dalam masakan, mereka boleh menyertai pertandingan menghias kek gambar kucing dan haiwan peliharaan lain.

Turut diadakan Pertunjukan Haiwan Peliharaan 2015, anjuran bersama produk makanan kucing, Brit dan KKM. Pertandingan ini terbuka kepada semua haiwan kecuali anjing.

